

UM juara Festival Teater MAKUM

INFO

Anugerah Festival Teater MAKUM 2012

- ◎ **Arahan Terbaik** - UKM
- ◎ **Pelakon Utama Lelaki Terbaik** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- ◎ **Pelakon Wanita Terbaik** - Universiti Utara Malaysia (UUM).
- ◎ **Anugerah Pelakon Pembantu Terbaik** - UM menerusi watak William dalam teater Irama dan Lagu karya Abi Morgan di bawah arahan Syahmi Naim.
- ◎ **Anugerah Penataan Set/Props Terbaik** - UM
- ◎ **Kesan Teknikal Terbaik** - Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ◎ **Penataan Terbaik** - UKM
- ◎ **Reka Busana Terbaik** - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
- ◎ **Anugerah Khas Juri** - Universiti Sains Malaysia (USIM)
- ◎ **Anugerah Pelakon Harapan** - UPSI, UPM, UIAM, UUM, UKM dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Kuala Lumpur: Pementasan teater Cinta Seorang Pencuri arahan Maizura Osman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dinobatkan persempahan terbaik pada Festival Teater Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2012 yang berlangsung di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM), baru-baru ini.

Teater karya Jean Annoulliah itu melayakkan UKM membawa pulang trofi berserta hadiah wang tunai RM3,000. Tempat kedua disandang Universiti Utara Malaysia (UUM) yang mempertaruhkan teater Dejavu Seorang Perempuan karya Ismail Kassan dan arahan Nor Shaida Shamsuddin.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pula berada di tempat ketiga menerusi pementasan teater Preh karya

Asma Nadia arahan Mohamad' Arif Taslam. Masing-masing meraih RM,2000 dan RM1,000 berserta trofi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Datuk Dr Rohana Yusof hadir bagi menyampaikan hadiah. Turut hadir dalam majlis itu Ketua Pegawai Kebudayaan Seksyen Kesenian dan Kreatif, Hal Ehwal Pelajar UM, Mohd Sahimi Chik bersama barisan pemenang Festival Teater Makum 2012.

Memasuki edisi kelapan tahun ini, Festival Teater Festival MAKUM ialah acara tahunan majlis berkenaan membabitkan penyertaan mahasiswa dalam misi memartabatkan seni teater dan drama di persada universiti tempatan.

Festival turut memberi peluang kepada mahasiswa menyemarakkan kegiatan



Tenaga kerja produksi Cinta Seorang Pencuri dari UKM meraih kejayaan merangkul anugerah utama kategori persempahan terbaik.

seni teater dan drama sebagai satu aktiviti warga kampus agar dapat melahirkan mahasiswa yang celik seni.

Pada masa sama, ia turut memupuk integrasi, toleransi dan kerjasama dalam

kalangan mahasiswa dari pada pelbagai kelompok dan etnik melalui kerja berkumpulan selain menyumbang terhadap kehidupan kampus yang harmoni, selamat, damai dan ceria.